



KEMENTERIAN PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN
NO. 51, PERSIARAN PERDANA, PRESINT 4,
PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN
62100 PUTRAJAYA

Rujukan Kami : JKT.D.100-1/3/2 Jld.10(10)

Tarikh : 16 Ogos 2021

**PEKELILING KETUA SETIAUSAHA
KEMENTERIAN PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN
BILANGAN 5 TAHUN 2021**

**GARIS PANDUAN SANITASI DAN DISINFEKSI KEMUDAHAN
AWAM DAN PREMIS DI KAWASAN PIHAK BERKUASA
TEMPATAN**

TUJUAN

Pekeliling ini bertujuan untuk memberi penjelasan serta panduan kepada Pihak Berkuasa Negeri (PBN) dan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) berhubung Garis Panduan Sanitasi dan Disinfeksi Kemudahan Awam dan Premis di Kawasan Pihak Berkuasa Tempatan.

LATAR BELAKANG

2. Tempat dan kemudahan awam merupakan kawasan yang berisiko untuk penularan penyakit berjangkit melalui pelbagai kaedah dan medium jangkitan seperti melalui titisan air, udara, sentuhan, pencemaran silang (*cross contamination*), bawaan vektor dan makanan. Beberapa contoh penyakit berjangkit yang boleh merebak di

kawasan kemudahan awam adalah seperti wabak COVID-19, penyakit kaki, tangan dan mulut (*Hand-Foot-and-Mouth Disease – HFMD*), penyakit Influenza A (H1N1), *measles*, penyakit kencing tikus (*Leptospirosis*), demam denggi dan keracunan makanan.

3. Sehubungan dengan itu, bagi mengelakkan penularan penyakit berjangkit, langkah-langkah pencegahan perlu diambil dengan menjalankan kerja-kerja sanitasi dan disinfeksi secara rutin dan berkala di tempat dan kemudahan awam di kawasan PBT.

4. Pembangunan garis panduan ini adalah selari dengan matlamat *Sustainable Development Goals (SDG) Ketiga – Good Health and Well-being* yang menggalakkan negara-negara anggota Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) supaya mengambil langkah bagi memerangi penyakit-penyakit berjangkit menjelang tahun 2030.

GARIS PANDUAN SANITASI DAN DISINFEKSI KEMUDAHAN AWAM DAN PREMIS DI KAWASAN PIHAK BERKUASA TEMPATAN

5. Garis panduan ini bertujuan untuk memberi panduan kepada PBT dan pihak yang berkepentingan seperti pemilik/pemegang lesen/pengurus premis swasta atau agensi Kerajaan dalam menjalankan kerja-kerja sanitasi dan disinfeksi di semua kemudahan awam dan premis di kawasan PBT. Garis panduan ini dapat mewujudkan keseragaman mengenai dasar dan prosedur aktiviti sanitasi dan disinfeksi serta kaedah pelaporan pelaksanaan di semua kemudahan awam dan premis di kawasan PBT.

6. Pelaksanaan garis panduan ini juga diharapkan akan dapat mengurangkan risiko penularan penyakit berjangkit dalam kalangan komuniti dan memberikan kesan peningkatan terhadap tahap dan kualiti kesihatan, kelestarian ekonomi serta kesejahteraan sosial.

TARIKH KUAT KUASA

7. Garis Panduan Sanitasi dan Disinfeksi Kemudahan Awam dan Premis di Kawasan Pihak Berkuasa Tempatan adalah seperti pada **LAMPIRAN**. Pekeliling ini berkuat kuasa mulai tarikh ia dikeluarkan.

PERTANYAAN

8. Sebarang pertanyaan dan penjelasan lanjut berhubung Pekeliling ini boleh dikemukakan kepada:

Jabatan Kerajaan Tempatan
Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan
Aras 25-29, No. 51, Persiaran Perdana
Presint 4, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62100 PUTRAJAYA
(u.p.: Bahagian Ketua Perunding Kesihatan Persekitaran)
No. Tel. : 03-8891 3300 / 3301
No. Faks : 03-8891 3358


PENUTUP

9. Pekeliling ini dipanjangkan kepada semua PBN dan PBT untuk perhatian dan tindakan sewajarnya.

Sekian.

"WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030"
"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,



(DATUK ZAINAL ABIDIN BIN ABU HASSAN)
Ketua Setiausaha
Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan

16 Ogos 2021

s.k.

Semua YB Setiausaha Kerajaan Negeri
Semua Datuk Bandar / Yang Dipertua Pihak Berkuasa Tempatan



KERAJAAN MALAYSIA

**GARIS PANDUAN SANITASI DAN DISINFEKSI
KEMUDAHAN AWAM DAN PREMIS
DI KAWASAN PIHAK BERKUASA TEMPATAN**

**JABATAN KERAJAAN TEMPATAN
KEMENTERIAN PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN**

ISI KANDUNGAN

BIL.	PERKARA	M/S
1.	TUJUAN	3
2.	LATAR BELAKANG	3
3.	SKOP	6
4.	DEFINISI	6
5.	OBJEKTIF	7
6.	TANGGUNGJAWAB PBT DAN PEMILIK/PEMEGANG LESEN/PENGURUS PREMIS SWASTA ATAU AGENSI KERAJAAN	8
7.	PREMIS KEUTAMAAN UNTUK SANITASI DAN DISINFEKSI	12
8.	KEKERAPAN KERJA-KERJA SANITASI DAN DISINFEKSI	13
9.	PROSEDUR KERJA-KERJA SANITASI DAN DISINFEKSI	15
10.	PEMANTAUAN DAN PEMATUHAN	22
11.	PENDAFTARAN SYARIKAT PERKHIDMATAN PEMBERSIHAN DAN SANITASI	23
12.	NOTIS PEMBASMIAN KUMAN PREMIS	23
13.	CADANGAN PENGGUNAAN TEKNOLOGI DAN INOVASI	24
14.	RUJUKAN	25
15.	LAMPIRAN	26

GARIS PANDUAN SANITASI DAN DISINFEKSI KEMUDAHAN AWAM DAN PREMIS DI KAWASAN PIHAK BERKUASA TEMPATAN

1. TUJUAN GARIS PANDUAN

- 1.1 Untuk memberi panduan kepada Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan pihak yang berkepentingan dalam menjalankan kerja-kerja sanitasi dan disinfeksi di semua kemudahan awam dan premis di kawasan PBT.
- 1.2 Untuk mewujudkan keseragaman mengenai dasar dan prosedur aktiviti sanitasi dan disinfeksi serta kaedah pelaporan pelaksanaan di semua kemudahan awam dan premis di kawasan PBT.

2. LATAR BELAKANG

- 2.1 Seperti diketahui umum, Malaysia telah dilanda pandemik COVID-19 dengan kes pertama yang dilaporkan pada 23 Januari 2020. Cara penularan COVID-19 adalah melalui titisan pernafasan dari hidung atau mulut yang tersebar apabila seseorang yang dijangkiti COVID-19 batuk atau bersin. Titisan ini boleh tersebar di permukaan objek dan permukaan di sekelilingnya sebelum menjangkiti individu lain.
- 2.2 Tempat tumpuan dan kemudahan awam merupakan kawasan yang berisiko untuk penularan agen penyakit berjangkit dengan pelbagai kaedah transmisi seperti melalui titisan udara, sentuhan, pencemaran silang (*cross contamination*), bawaan vektor, air dan makanan. Sebagai contoh ialah jangkitan penyakit COVID-19, *Hand Foot Mouth Disease* (HFMD), *Influenza A* (H1N1), *Measles* (Demam Campak), *Leptospirosis* (Kencing Tikus), Demam Denggi dan Keracunan Makanan.

2.3 Oleh yang demikian, bagi mengelakkan penularan agen-agen penyakit berjangkit tersebut, langkah pencegahan perlu diambil dengan menjalankan kerja-kerja sanitasi dan disinfeksi secara rutin dan berkala di tempat dan kemudahan awam di kawasan PBT. Jadual 2.1 di bawah menunjukkan antara contoh jenis penyakit, kaedah jangkitan, tempat berisiko dan permukaan/peralatan berisiko yang berpotensi tinggi untuk menularkan jangkitan di tempat tumpuan dan kemudahan awam.

Jenis Penyakit	Kaedah Jangkitan	Tempat Berisiko	Permukaan/ Peralatan Berisiko
COVID-19, <i>Influenza A</i> (H1N1)	Titisan pernafasan, sentuhan permukaan tercemar	Tempat yang sesak, sempit dan tertutup (confined) seperti di tempat kerja, premis perniagaan dan restoran	Pemegang/tombol pintu, butang lif, pemegang troli/tangga, kaunter kerja, meja makan
HFMD, <i>Measles</i>	Sentuhan permukaan tercemar	Taska, pusat permainan kanak-kanak	Botol susu, meja, kerusi, alat permainan
<i>Leptospirosis</i> (Kencing Tikus)	Sentuhan permukaan tercemar	Tempat rekreasi/ pasaraya/ kedai runcit/ kedai makan	Air/makanan tercemar, tin/bungkusan tercemar, peralatan, meja
Demam Denggi	Gigitan nyamuk	Kawasan berisiko pembiakan nyamuk	Bekas minuman/ makanan yang dibuang termasuklah plastik, <i>styrofoam</i>

Jenis Penyakit	Kaedah Jangkitan	Tempat Berisiko	Permukaan/ Peralatan Berisiko
Keracunan Makanan	Sentuhan Permukaan tercemar, pencemaran silang	Dapur/kedai makan	Makanan dan air tercemar, Peralatan tercemar, papan pemotong/ meja dapur, kain lap, kad menu

Jadual 2.1: Contoh jenis penyakit, kaedah jangkitan, tempat berisiko dan permukaan/peralatan berisiko yang berpotensi tinggi menularkan jangkitan di tempat tumpuan awam

- 2.4 Walau bagaimanapun bagi pelaksanaan program sanitasi dan disinfeksi oleh PBT di tempat awam, masih belum ada dasar dan garis panduan yang khusus sebagai panduan serta pengurusan aktiviti tersebut untuk kegunaan PBT.
- 2.5 Oleh yang demikian, tujuan garis panduan ini dibangunkan adalah untuk mengadakan dasar dan tatacara bagi mencegah penularan wabak penyakit berjangkit di tempat awam terutamanya dalam keadaan wabak COVID-19 yang dialami sekarang dan sebagai langkah pencegahan penyakit berjangkit pasca-pandemik COVID-19, selari dengan saranan Pertubuhan Kesihatan Sedunia (*WHO*).
- 2.6 Pembangunan dan pelaksanaan garis panduan ini juga untuk mencapai sasaran matlamat pembangunan lestari (*Sustainable Development Goals - SDG*) yang ditetapkan oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) pada tahun 2015 untuk direalisasikan pada tahun 2030. Sasaran SDG Ketiga iaitu “*Good Health and Well-Being*”, di mana semua negara digesa mengambil langkah untuk memerangi penyakit berjangkit menjelang tahun 2030.

- 2.7 Bagi mencapai objektif pencegahan penularan penyakit berjangkit di tempat dan kemudahan awam, adalah penting untuk menetapkan tanggungjawab kepada pemilik/pemegang lesen/pengurus premis swasta atau agensi Kerajaan bagi menjalankan aktiviti sanitasi dan disinfeksi di premis mereka sendiri yang mana orang awam boleh memasuki atau mempunyai akses.
- 2.8 Garis panduan ini berasaskan prinsip ‘Pencegahan’ penyakit berjangkit yang seragam untuk kegunaan PBT.
- 2.9 Bagi pelaksanaan garis panduan ini, PBT mempunyai bidang kuasa di bawah Akta Kerajaan Tempatan 1976 [Akta 171], Seksyen 72(1)(f), yang memperuntukan kuasa dan tanggungjawab PBT untuk mencegah berlakunya apa-apa penyakit berjangkit di kawasan PBT; memelihara kawasannya supaya sentiasa bersih; dan mencegah berlakunya keadaan yang mungkin membawa kepada penularan penyakit berjangkit.

3. SKOP

Garis panduan ini terpakai kepada semua PBT dan pihak pemilik/pemegang lesen/pengurus premis swasta atau agensi Kerajaan di Malaysia.

4. DEFINISI

“disinfeksi” ertinya proses basmi kuman ke atas permukaan atau peralatan yang tercemar atau berpotensi tercemar.

“pihak berkuasa tempatan” ertinya mana-mana Majlis Bandaraya, Majlis Perbandaran atau Majlis Daerah, mengikut mana-mana yang berkenaan, dan berhubungan dengan Wilayah Persekutuan ertinya Datuk Bandar Kuala Lumpur yang dilantik di bawah seksyen 4 Akta Ibu Kota Persekutuan 1960 [Akta190].

“premis” ertinya semua bangunan yang dibuka untuk akses orang awam kecuali premis kediaman.

“sanitasi” ertinya proses membersihkan atau membuang segala kekotoran yang terdapat pada sesuatu permukaan atau peralatan.

“tempat awam” ertinya mana-mana lapangan terbuka, tempat letak kereta, kebun bunga, taman rekreasi dan bersuka-suka atau medan, sama ada terkepung atau tidak, yang dikhas atau diuntukkan bagi kegunaan orang ramai atau yang terbuka kepada orang ramai pada bila-bila masa.

5. OBJEKTIF SANITASI DAN DISINFEKSI

5.1 Aktiviti sanitasi dan disinfeksi perlu dilaksanakan secara rutin dan berjadual oleh semua pihak berkepentingan sebagai “Tindakan Universal” dan “Keperluan Asas” bagi mencegah kejadian penyakit berjangkit di tempat awam dan premis, samada semasa mahupun pasca wabak COVID-19 untuk mencegah penyakit berjangkit atau kemunculan semula wabak penyakit.

6. TANGGUNGJAWAB PBT DAN PEMILIK/PEMEGANG LESEN/PENGURUS PREMIS SWASTA ATAU AGENSI KERAJAAN

6.1 Tanggungjawab

- 6.1.1 PBT perlu menjalankan sanitasi dan disinfeksi secara rutin dan berjadual di dalam premis dan kemudahan awam milik PBT (termasuk kawasan di luar premis yang dibuka kepada orang awam atau menjadi tumpuan awam).
- 6.1.2 Semua pemilik/pemegang lesen/pengurus premis swasta atau agensi Kerajaan perlu menjalankan sanitasi dan disinfeksi di kawasan dalam premis di mana orang awam boleh akses dan kawasan “kaki lima” premis berkenaan.
- 6.1.3 Semua pihak perlu menyediakan *hand sanitizer* atau kemudahan mencuci tangan di pintu masuk premis sebagai amalan bagi mencegah kejadian penyakit berjangkit.
- 6.1.4 Di dalam keadaan di mana aktiviti disinfeksi tidak dapat dilaksanakan secara optima atau praktikal, semua pihak perlu menyediakan *hand sanitizer* untuk kegunaan pelanggan sebelum menggunakan peralatan atau menyentuh permukaan sesuatu peralatan.

6.2 Pelaksanaan

- 6.2.1 Aktiviti sanitasi dan disinfeksi perlu dilaksanakan secara **rutin dan berjadual**.

- 6.2.2 Secara amnya bagi jenis permukaan yang **bukan kerap disentuh** umpamanya struktur bangunan seperti lantai dan pintu dan termasuk “kaki lima”, dalam keadaan biasa, kekerapan yang dicadangkan untuk kerja sanitasi atau kebersihan adalah secara harian dan kerja disinfeksi adalah secara mingguan. Walau bagaimana pun, aktiviti sanitasi dan disinfeksi juga perlu dilaksanakan mengikut tahap kekotoran atau pencemaran yang berlaku seperti tercemar dengan kotoran, tumpahan, muntah, najis dan sebagainya.
- 6.2.3 Manakala bagi permukaan yang **kerap disentuh** oleh pekerja atau pelanggan, aktiviti sanitasi dan disinfeksi perlu dilaksanakan dengan kekerapan mengikut kadar penggunaan peralatan atau permukaan berkenaan atau tahap kebersihan peralatan/permukaan tersebut dan keperluan secara **minimumnya tiga (3) kali sehari**. Sekiranya tidak praktikaliti untuk dilaksanakan sedemikian, maka perlu disediakan *hand sanitizer* di tempat berkenaan untuk penggunaan pelanggan sebelum atau selepas menyentuh atau menggunakan peralatan/permukaan tersebut.
- 6.2.4 Seterusnya bagi permukaan yang **sangat kerap disentuh dan berisiko tinggi** seperti peralatan atau permukaan kegunaan pelanggan di kedai makan/restoran, peralatan/permukaan berkenaan perlu dibersihkan dan disinfeksi **setiap kali selepas digunakan pelanggan**.
- 6.2.5 Contoh bagi senarai jenis peralatan atau permukaan yang sangat kerap disentuh dan berisiko tinggi, kerap disentuh serta bukan kerap disentuh adalah seperti maklumat di **Perkara 8**.

- 6.2.6 Semua premis termasuk milik PBT perlu menyediakan *hand sanitizer* untuk kegunaan pelanggan. *Hand sanitizer* yang disediakan perlulah mempunyai kekuatan bahan aktif untuk membunuh kuman, disediakan dalam bilangan yang mencukupi dan ditempatkan mengikut laluan masuk ke premis. Bagi premis yang tidak menyediakan *hand sanitizer*, kemudahan mencuci tangan termasuk sabun pencuci tangan dan air perlu disediakan berdekatan dengan laluan masuk ke premis.
- 6.2.7 Perancangan bagi keperluan kekerapan kerja sanitasi dan disinfeksi yang dilaksanakan adalah bergantung kepada penilaian risiko pencemaran asas yang dijalankan. Penilaian risiko perlu dijalankan oleh PBT dan pihak pemilik/pemegang lesen/pengurus premis berdasarkan elemen-elemen seperti peralatan atau permukaan yang berpotensi dicemari oleh pengguna, jumlah pengguna, kekerapan sentuhan, kadar penggunaan, keluasan lantai premis dan tempoh premis beroperasi. Aktiviti penilaian risiko perlu dilakukan sekali sahaja ke atas semua premis termasuk premis yang baru dibuka untuk kegunaan awam. Penilaian risiko hendaklah dilakukan semula sekiranya ada perubahan aktiviti atau keadaan di premis.
- 6.2.8 Bagi pelaksanaan aktiviti sanitasi dan disinfeksi yang melibatkan negeri-negeri yang menerima pakai Akta Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam 2007 [Akta 672], pihak PBT perlu merujuk kepada kontrak perjanjian asal yang telah dipersetujui dengan syarikat konsesi tersebut.

6.3 Pelaporan

- 6.3.1 PBT perlu menghantar laporan bulanan pelaksanaan aktiviti sanitasi dan disinfeksi bagi premis milik PBT serta bukan milik PBT kepada Bahagian Perunding Kesihatan Persekitaran, Jabatan Kerajaan Tempatan (JKT), Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) untuk tujuan rekod dan pemantauan seperti di **Lampiran 1A** dan **1B**.
- 6.3.2 Aktiviti sanitasi dan disinfeksi yang dijalankan oleh pemilik/pemegang lesen/pengurus premis perlu direkodkan secara manual dalam buku rekod atau pangkalan data digital secara sendiri dan boleh dibuat semakan oleh PBT jika diperlukan.
- 6.3.3 Manakala aktiviti sanitasi dan disinfeksi yang dijalankan oleh syarikat perkhidmatan pembersihan dan sanitasi, pihak syarikat perlu mengemukakan laporan secara bulanan kepada PBT seperti di **Lampiran 2** untuk tujuan semakan dan rekod.

6.4 Penilaian Keberkesanan

Bagi menilai keberkesanan aktiviti sanitasi dan disinfeksi, PBT dicadang untuk menjalankan pemantauan dan penilaian di lapangan bersama pihak berkemampuan sekiranya terdapat keperluan. Ini penting untuk memastikan kerja disinfeksi yang dilakukan adalah efektif, selamat dan mematuhi prosedur yang ditetapkan. Sebagai contoh jenis bahan disinfeksi digunakan, kadar nisbah bancuhan dan sebagainya perlu betul dan mengikut panduan yang ditetapkan.

6.5 Latihan

- 6.5.1 Pengurus/penyelia program sanitasi dan disinfeksi di PBT perlu diberi latihan secara teori dan praktikal berkenaan aktiviti sanitasi dan disinfeksi. Jabatan Kerajaan Tempatan, KPKT berperanan memberikan khidmat nasihat dan latihan sanitasi serta disinfeksi kepada PBT.
- 6.5.2 Manakala pemilik/pemegang lesen/pengurus premis boleh melatih pekerja yang terlibat dalam aktiviti sanitasi dan disinfeksi secara teori dan praktikal secara sendiri atau boleh mendapatkan khidmat nasihat/latihan daripada mana-mana syarikat atau pihak yang berkepakaran dalam perkara ini.

7. PREMIS KEUTAMAAN UNTUK SANITASI DAN DISINFEKSI

Antara premis yang diberi keutamaan untuk menjalankan sanitasi dan disinfeksi adalah seperti berikut dan senarai ini boleh ditambah mengikut keperluan serta perkembangan semasa.

Premis Milik PBT	Premis Bukan Milik PBT
<ul style="list-style-type: none">• Pasar awam/pasar harian/pasar malam/pasar tani	<ul style="list-style-type: none">• Semua pejabat Kerajaan
<ul style="list-style-type: none">• Hentian pengangkutan awam	<ul style="list-style-type: none">• Pasaraya/kedai runcit/kedai serbaneka
<ul style="list-style-type: none">• Medan selera	<ul style="list-style-type: none">• Bank/kiosk ATM/agensi kewangan
<ul style="list-style-type: none">• Kemudahan/kaunter PBT	<ul style="list-style-type: none">• Premis makanan/<i>food truck</i>
<ul style="list-style-type: none">• Dewan orang ramai	<ul style="list-style-type: none">• Perkhidmatan penghantaran (<i>p-hailing</i>)

Premis Milik PBT	Premis Bukan Milik PBT
<ul style="list-style-type: none"> Fasiliti sukan dan rekreasi PBT 	<ul style="list-style-type: none"> Premis/kiosk perkhidmatan kemudahan awam
<ul style="list-style-type: none"> Pusat sembelihan 	<ul style="list-style-type: none"> Stesen minyak dan kedai serbaneka
<ul style="list-style-type: none"> Taman rekreasi awam 	<ul style="list-style-type: none"> Semua syarikat swasta
<ul style="list-style-type: none"> Tandas awam 	<ul style="list-style-type: none"> Lain-lain premis perkhidmatan

8. KEKERAPAN KERJA-KERJA SANITASI DAN DISINFEKSI

8.1 Sanitasi dan disinfeksi peralatan/permukaan yang **sangat kerap disentuh dan berisiko tinggi** adalah diberi contoh seperti berikut:

Jenis Peralatan/Permukaan	Kekerapan	
	Sanitasi	Disinfeksi
Premis makanan: <ul style="list-style-type: none"> Kad menu Meja makan Pemegang kerusi Kerusi bayi Peralatan makan/minum Skrin/panel pesanan makanan layan diri 	Setiap kali selepas digunakan pelanggan	Setiap kali selepas digunakan pelanggan

8.2 Sanitasi dan disinfeksi peralatan/permukaan yang **kerap disentuh** adalah diberi contoh seperti berikut:

Jenis Peralatan/Permukaan	Kekerapan	
	Sanitasi	Disinfeksi
<ul style="list-style-type: none"> • Pemegang/tombol pintu • Pemegang troli/bakul • <i>Nozzle</i> pam minyak/pam angin • Skrin/kekunci kiosk layan diri • Butang ATM/butang <i>lift/suis</i> • Rel pemegang tangan • Mangkuk tandas • Pili air/bidet • <i>Flushing cistern</i> 	Mengikut keperluan tahap kebersihan/pencemaran	Secara praktikal/ minima 3 kali sehari

8.3 Sanitasi dan disinfeksi bagi komponen struktur (**permukaan**) yang **bukan kerap disentuh** adalah diberi contoh seperti berikut:

Jenis Komponen	Kekerapan	
	Sanitasi	Disinfeksi
<ul style="list-style-type: none"> • Struktur bangunan: (lantai, pintu, tangga) • Kaki lima premis 	Harian	Mingguan (lebih kerap jika tercemar)

8.4 Walau bagaimana pun, bagi tujuan yang praktikal, kerja sanitasi dan disinfeksi boleh dilakukan secara serentak dengan menggunakan bahan pencuci (2 dalam 1) yang bersekali dengan bahan pembasmi kuman seperti yang tersedia terdapat di pasaran.

9. PROSEDUR KERJA-KERJA SANITASI DAN DISINFEKSI

9.1 PROSEDUR KERJA SANITASI

9.1.1 Senarai peralatan sanitasi:

- a. Penyapu
- b. Kain pengelap
- c. Mop
- d. Baldi

9.1.2 Senarai bahan sanitasi:

- a. Bahan pencuci "*Quaternary Ammonium Compound*"
- b. Apa-apa bahan pencuci atau sabun komersial

9.1.3 Cara penyediaan:

Bahan Sanitasi	Kepekatan Sebelum Dibancuh	Kepekatan Bahan Sanitasi yang Dikehendaki	Nisbah (Bahan Sanitasi : Air)	Aplikasi
<i>Quaternary Ammonium Compound</i> / apa-apa bahan pencuci atau sabun komersial	Rujuk pada label atau <i>Material Safety Data Sheet (MSDS)</i>			Untuk kegunaan di permukaan persekitaran dalam dan luar bangunan

9.1.4 Senarai *Personal Protective Equipment* (PPE):

- a. Sarung tangan getah (pakai buang)
- b. Penutup hidung dan mulut
- 3 *ply mask* untuk kegunaan dalam bangunan
- c. *Apron* plastik
- d. Kasut but getah (*wellington boot*)
- e. *Goggle* atau *face shield*
- f. *Long-sleeved gowns*

9.1.5 Proses Sanitasi:

a. **Sebelum:**

- I. Sediakan peralatan dan bahan sanitasi mengikut kesesuaian sebelum aktiviti dijalankan.
- II. Sediakan *PPE* yang bersesuaian.
- III. Pakai penutup hidung dan mulut serta sarung tangan apabila menyediakan bahan sanitasi.
- IV. Elakkan sentuhan dengan bahan sanitasi pada mata dan kulit sepanjang aktiviti dijalankan.

b. **Semasa:**

- I. Sapu dan buang semua sisa pepejal dan sampah yang ada.
- II. Basuh tangan dengan air dan sabun sebelum sanitasi.
- III. Pakai *PPE* yang bersesuaian sebelum memulakan proses sanitasi.
- IV. Lakukan sanitasi mengikut kesesuaian tempat seperti berikut:

i. Permukaan bukan kerap disentuh (struktur - lantai, pintu, tangga, kawasan kaki lima)

- Buka tingkap untuk pengudaraan.
- Semua permukaan struktur (ke paras ketinggian yang boleh dicapai oleh tangan) dibasahkan dengan bahan sanitasi.
- Biarkan seketika untuk tindakbalas bahan sanitasi.
- Lap/mop permukaan struktur dengan menggunakan air yang bersih.
- Keringkan permukaan struktur dengan kain pengelap atau mop yang bersih sehingga kering.

ii. Peralatan/permukaan yang kerap disentuh dan sangat kerap disentuh serta berisiko tinggi

- Semua peralatan/permukaan hendaklah disembur dengan bahan sanitasi.
- Biarkan seketika untuk tindakbalas bahan sanitasi.
- Lap peralatan/permukaan dengan menggunakan air yang bersih.
- Keringkan peralatan/permukaan dengan kain yang bersih sehingga kering.

c. Selepas:

- I. Semua *PPE* pakai buang perlu dibuka dan dibuang ke dalam beg sampah serta diikat dengan rapi dan dibuang ke tong sampah yang bertutup.
- II. Pastikan tangan dibasuh dengan sabun dan air selepas semua *PPE* diri dibuka.
- III. Peralatan yang boleh diguna semula semasa sanitasi perlu dicuci selepas operasi.

- IV. Semua peralatan disimpan di stor atau di tempat yang disediakan selepas operasi.
- V. Sisa tong bahan kimia perlu disimpan dan dilupuskan mengikut kaedah pelupusan yang bersesuaian.

9.2 PROSEDUR KERJA DISINFEKSI

9.2.1 Senarai peralatan disinfeksi:

- a. Dalam bangunan
 - I. *Sprayer gun mist automizer* - berasaskan kabus
 - II. *Fogger mist automizer* - berasaskan kabus
 - III. Kain pengelap
 - IV. Mop
 - V. Baldi
- b. Luar bangunan:
 - I. *Mist blower* - berasaskan air
 - II. *Spray can* - berasaskan air

9.2.2 Senarai bahan disinfeksi:

- a. *Sodium Hypochlorite*
- b. *Chroloxyleneol/Benzalkonium Chloride*
- c. Cecair alkohol (*ethanol*)
- d. Mana-mana bahan disinfeksi yang boleh membasmi 99.9% *microbial* termasuk jenis aerosol.

9.2.3 Cara penyediaan:

Bil.	Bahan Disinfeksi	Kepekatan Sebelum Dibancuh	Kepekatan Bahan Disinfeksi yang Dikehendaki	Nisbah (Bahan Disinfeksi : Air)	Aplikasi
1.	<i>Sodium Hypochlorite</i>	5%	0.1%	1: 49	Kegunaan di persekitaran dalam bangunan
		5%	0.5%	1: 9	Kegunaan di persekitaran luar bangunan
2.	<i>Ethanol</i>	Rujuk label	70%	Tiada	Kegunaan lap permukaan/ peralatan kerap disentuh
3.	Mana-mana bahan yang boleh membasmi 99.9% <i>microbial</i> termasuk jenis aerosol	Rujuk pada label atau <i>Material Safety Data Sheet (MSDS)</i>			Kegunaan di persekitaran dalam dan luar bangunan

9.2.4 Senarai *Personal Protective Equipment (PPE)*:

- a. Sarung tangan getah (pakai buang)
- b. Penutup hidung dan mulut
 - 3 *ply mask* untuk kegunaan dalam bangunan
 - *Chemical respirator* untuk pembancuhan dan semburan
- c. *Apron* plastik

- d. Kasut but getah (*wellington boot*)
- e. *Goggle* atau *face shield*
- f. *Long-sleeved gowns*

9.2.5 Proses Disinfeksi:

a. **Sebelum:**

- I. Sediakan peralatan dan bahan disinfeksi mengikut kesesuaian sebelum aktiviti dijalankan.
- II. Sediakan *PPE* yang bersesuaian berdasarkan *targeted area* sama ada dalam atau luar bangunan.
- III. Pakai *chemical respirator* dan sarung tangan apabila menyediakan bahan disinfeksi.
- IV. Elakkan sentuhan bahan disinfeksi dengan mata dan kulit sepanjang aktiviti dijalankan.

b. **Semasa:**

- I. Basuh tangan dengan air dan sabun sebelum disinfeksi dijalankan.
- II. Pakai *PPE* yang bersesuaian sebelum memulakan proses disinfeksi.
- III. Lakukan disinfeksi mengikut kesesuaian tempat seperti berikut:
 - i. Dalam bangunan
 - Pastikan kawasan yang hendak disinfeksi ditutup kepada orang awam.
 - Tutup pintu dan tingkap keseluruhan premis.
 - Bagi ruang tertutup, sembur dengan menggunakan peralatan disinfeksi yang berasaskan kabus (*mist based*).

- Biarkan seketika untuk tindakbalas bahan disinfeksi (pintu dan tingkap tidak terus dibuka).
- Bagi ruang terbuka, lap semua permukaan dan hendaklah dipastikan kering selepas disinfeksi.

ii. Luar bangunan:

- Pastikan kawasan “kaki lima” yang hendak disinfeksi ditutup kepada orang awam.
- Sembur dengan menggunakan peralatan disinfeksi yang berasaskan air (*water based*) pada *targeted area* yang menjadi laluan pengguna.
- Biarkan seketika untuk tindakbalas bahan disinfeksi.
- Mop atau lap permukaan berkenaan mengikut kesesuaian.
- Permukaan ini hendaklah dipastikan kering selepas disinfeksi.

c. **Selepas:**

- I. Semua *PPE* pakai buang perlu dibuka dan dibuang ke dalam beg sampah serta diikat dengan rapi dan dibuang ke tong sampah yang bertutup.
- II. Pastikan tangan dibasuh dengan sabun dan air selepas semua *PPE* dibuka.
- III. Peralatan yang boleh diguna semula semasa sanitasi dan disinfeksi perlu dicuci selepas operasi.
- IV. Semua peralatan disimpan di stor atau di tempat yang disediakan selepas operasi.
- V. Sisa tong bahan kimia perlu disimpan dan dilupuskan mengikut kaedah pelupusan yang bersesuaian.

10. PEMANTAUAN DAN PEMATUHAN

- 10.1 Aktiviti sanitasi dan disinfeksi yang dijalankan oleh PBT perlu dipantau secara sendiri oleh PBT melalui Unit/Bahagian/Jabatan Kesihatan Persekitaran PBT. Begitu juga dengan pihak pemilik/pemegang lesen/pengurus premis lain yang perlu menjalankan pemantauan secara sendiri dan merekodkan kerja yang dilaksanakan ke dalam buku rekod bagi pemeriksaan atau pemantauan oleh PBT jika perlu.
- 10.2 PBT perlu menjalankan pemantauan ke atas premis-premis lain (bukan milik PBT) secara rawak atau berdasarkan aduan untuk memastikan keberkesanan kerja-kerja sanitasi dan disinfeksi yang dijalankan dengan memeriksa buku rekod kerja-kerja sanitasi dan disinfeksi yang dikemaskini secara rutin oleh pihak pemilik/pemegang lesen/pengurus premis. Senarai semak pemantauan aktiviti disinfeksi di premis milik PBT dan bukan milik PBT adalah seperti di **Lampiran 3**.
- 10.3 Bagi syarikat perkhidmatan pembersihan dan sanitasi yang menjalankan aktiviti sanitasi dan disinfeksi di premis bukan milik PBT, pihak syarikat perlu menyimpan rekod kerja-kerja sanitasi dan disinfeksi untuk pemantauan oleh PBT.
- 10.4 PBT boleh mengambil tindakan penguatkuasaan sekiranya perlu dengan mengenakan syarat dalam lesen peniagaan atau meminda Undang-Undang Kecil Pelesenan Tred untuk mengeluarkan notis, amaran, kompaun dan penarikan semula lesen kepada pemilik/pemegang lesen premis PBT yang gagal menjalankan aktiviti sanitasi dan disinfeksi di premis masing-masing.

11. PENDAFTARAN SYARIKAT PERKHIDMATAN PEMBERSIHAN DAN SANITASI

- 11.1 Semua syarikat perkhidmatan pembersihan dan sanitasi perlu mendaftar dan memohon lesen daripada PBT bagi menjalankan kerja-kerja sanitasi dan disinfeksi di kawasan PBT. PBT perlu meneliti permohonan syarikat berdasarkan senarai semak maklumat pendaftaran syarikat yang menjalankan kerja-kerja sanitasi dan disinfeksi di kawasan PBT seperti di **Lampiran 4**. Keperluan ini adalah bagi mematuhi Surat Ketua Setiausaha Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan yang bertarikh 5 Jun 2020, rujukan: JKT.KS.1400-5/1/1 KLT.3 (25).
- 11.2 Syarat untuk permohonan lesen bagi syarikat yang menjalankan kerja-kerja sanitasi dan disinfeksi adalah syarikat perlu mempunyai sekurang-kurangnya seorang operator yang kompeten dalam menjalankan kerja-kerja sanitasi dan disinfeksi. Operator atau orang yang kompeten ini hendaklah mempunyai kelayakan akademik atau pengalaman dalam bidang menjalankan kerja-kerja sanitasi dan disinfeksi. Contohnya dalam bidang Perubatan, Kesihatan Awam, Kesihatan Persekitaran, Mikrobiologi, Kimia, atau bidang-bidang lain yang berkaitan.

12. NOTIS PEMBASMIAN KUMAN PREMIS

- 12.1 Pihak pemilik/pemegang lesen/pengurus premis swasta atau agensi Kerajaan digalakkan untuk mempamerkan suatu Notis Pembasmian Kuman Premis. Contoh notis berserta maklumat kandungannya adalah seperti di **Lampiran 5**. Keperluan mempamerkan notis ini adalah untuk menggalakkan suatu amalan positif bagi langkah-langkah penjagaan kebersihan dan pencegahan penyakit berjangkit secara sendiri dan mewujudkan persaingan sihat dalam kalangan pemilik/pemegang lesen/pengurus premis.

- 12.2 Notis ini juga berupaya memperkasakan komuniti untuk memperhatikan tahap kebersihan dan kerja-kerja pembasmian kuman di premis yang mereka kunjungi serta membolehkan aduan dilaporkan kepada pihak pengurusan premis atau PBT jika terdapat ketidakpuasan hati. Di samping itu, notis ini juga akan menjadi sebagai salah satu daripada kriteria yang dinilai dalam sistem penggredan premis makanan di kawasan PBT.

13. CADANGAN PENGGUNAAN TEKNOLOGI DAN INOVASI

- 13.1 Selari dengan matlamat untuk mengurangkan risiko pendedahan kepada penyakit berjangkit melalui kaedah sentuhan atau melalui pencemaran apa-apa medium perantara, adalah disarankan PBT dan pemilik/pengurus premis terutamanya sektor swasta untuk mengguna teknologi dan inovasi seperti berikut:

13.1.1 Teknologi Tanpa Sentuh (*Automation/Touchless*) seperti pintu automatik, pili air automatik atau apa-apa teknologi tanpa sentuh.

13.1.2 Teknologi Tanpa Tunai/Kaunter/Bersemuka (*Cashless/Counterless/Online*) seperti *e-wallet*, pesanan melalui aplikasi dan e-dagang.

13.1.3 Teknologi Basmi Kuman (*Cultery Disinfection Cabinet*) seperti kabinet disinfeksi untuk peralatan makanan.

- 13.2 Kebanyakan teknologi di atas telah pun terdapat di pasaran.

14. RUJUKAN

- 14.1 Akta Kerajaan Tempatan 1976 [Akta 171].
- 14.2 Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 [Akta 342].
- 14.3 Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994 [Akta 514].
- 14.4 Peraturan-Peraturan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (Penggunaan dan Standard Pendedahan Bahan Kimia Berbahaya Kepada Kesihatan) 2000.
- 14.5 Peraturan-Peraturan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (Pengelasan, Pembungkusan dan Pelabelan Bahan Kimia Berbahaya) 1997.
- 14.6 WHO - *Annex to considerations in adjusting public health and social in the context of COVID-19*, 10 May 2020.
- 14.7 UN - *Sustainable Development Goals (SDGs) 3, Good Health and Well-Being*, 1 Januari 2016.
- 14.8 Manual Pembersihan Tandas Awam (Pekeliling Ketua Setiausaha Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan Bilangan 4 Tahun 2017).
- 14.9 Garis Panduan Amalan Baik Pengurusan Bahan Kimia di Pihak Berkuasa Tempatan (Pekeliling Ketua Setiausaha Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan Bilangan 6 Tahun 2017).
- 14.10 Panduan Disinfeksi Fasiliti Awam Semasa Wabak COVID-19, Persatuan Pegawai Kesihatan Persekitaran, Malaysia (EHOM) 2020.
- 14.11 Garis Panduan Sanitasi dan Disinfeksi di Tempat Awam, Kementerian Kesihatan Malaysia 2020.
- 14.12 Prosedur Operasi Standard (SOP) Operasi Sanitasi Awam COVID-19, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan 2020.

15. LAMPIRAN

- 15.1 Lampiran 1A - Ringkasan Laporan Bulanan Pelaksanaan Aktiviti Sanitasi dan Disinfeksi Premis di Kawasan PBT.
- 15.2 Lampiran 1B - Laporan Bulanan Premis Keutamaan yang Dijalankan Aktiviti Sanitasi dan Disinfeksi di Kawasan PBT.
- 15.3 Lampiran 2 - Laporan Bulanan Aktiviti Sanitasi dan Disinfeksi Premis yang Dijalankan oleh Syarikat Perkhidmatan Pembersihan dan Sanitasi di Kawasan PBT.
- 15.4 Lampiran 3 - Senarai Semak Pemantauan Aktiviti Sanitasi dan Disinfeksi di Premis Milik PBT dan Bukan Milik PBT.
- 15.5 Lampiran 4 - Senarai Semak Maklumat Pendaftaran Syarikat yang Menjalankan Kerja-Kerja Sanitasi dan Disinfeksi di Kawasan PBT.
- 15.6 Lampiran 5 - Contoh Notis Pembasmian Kuman Premis.
- 15.7 Lampiran 6 - Contoh Senarai Peralatan Sanitasi dan Disinfeksi serta Peralatan Perlindung Diri (*PPE*).

**RINGKASAN LAPORAN BULANAN
PELAKSANAAN AKTIVITI SANITASI DAN DISINFEKSI
KEMUDAHAN AWAM DAN PREMIS DI KAWASAN PBT**

Pihak Berkuasa Tempatan :

Bulan/Tahun :

(A) Kemudahan Awam/Premis Milik PBT				
Bil.	Aktiviti	Perkara	Jumlah	Catatan
1.	SANITASI	Bilangan Aktiviti RUTIN yang Dijalankan		
		Bilangan OPERASI yang Dijalankan		
Jenis Bahan Kimia yang Digunakan (nyatakan) a. b. c.				
3.		Bilangan Aktiviti RUTIN yang Dijalankan		
		Bilangan OPERASI yang Dijalankan		
4.	DISINFEKSI	Jenis Bahan Kimia yang Digunakan (nyatakan) a. b. c.		
5.	NOTA			

(B) Pemantauan Premis Bukan Milik PBT			
Bil.	Perkara	Jumlah	Catatan
1.	Bil. Pemantauan yang Dijalankan		
2.	Bil. Premis yang Dipantau		
3.	Bil. Premis yang TIDAK MENJALANKAN Aktiviti Sanitasi		
4.	Bil. Premis yang TIDAK MENJALANKAN Aktiviti Disinfeksi		
5.	Bil. Premis yang TIDAK MENYEDIAKAN <i>Hand Sanitizer</i> atau Kemudahan Mencuci Tangan		
6.	Bil. Premis yang TIDAK MEMPAMERKAN "Notis Pembasmian Kuman Premis"		
7.	Bil. Premis yang TIDAK MENYEDIAKAN REKOD Aktiviti Disinfeksi		
8.	Tindakan Penguatkuasaan Diambil (sekiranya ada):		
	a. Tiada		
	b. Amaran		
	b. Kompaun		
	c. Lain-lain (nyatakan)		
9.	Bil. Syarikat Perkhidmatan Pembersihan dan Sanitasi yang dipantau		

Nama Pegawai Pelapor : _____

Jawatan : _____

Bahagian : _____

No.Telefon (H/P) : _____

Emel : _____

**LAPORAN BULANAN
PREMIS KEUTAMAAN YANG DIJALANKAN
AKTIVITI SANITASI DAN DISINFEKSI DI KAWASAN PBT**

Pihak Berkuasa Tempatan :

Bulan/Tahun :

Bil.	(A) Premis Milik PBT		Aktiviti (Tandakan \checkmark)		Catatan
	Jenis Premis	Jumlah Premis	Sanitasi	Disinfeksi	
1.	Premis PBT (nyatakan) a. b.				
2.	Pasar Awam				
3.	Pasar Malam				
4.	Pasar Harian/Pasar Tani				
5.	Hentian Pengangkutan Awam				
6.	Taman Rekreasi Awam				
7.	Medan Selera				
8.	Tandas Awam				
9.	Dewan Orang Ramai				
10.	Fasiliti Sukan dan Rekreasi PBT				
11.	Lain-Lain Kemudahan Awam PBT (nyatakan) a. b.				

Bil.	(B) Pemantauan Premis Bukan Milik PBT		Aktiviti (Tandakan \checkmark)		Catatan
	Jenis Premis	Jumlah Premis	Sanitasi	Disinfeksi	
1.	Pejabat Kerajaan (nyatakan) a. b.				
2.	Premis Perkhidmatan Asas (TNB, Telekom, Pos, Bekalan Air)				
3.	Bank/Kiosk ATM				
4.	Pasaraya/Kedai Serbaneka				
5.	Kedai Runcit				
6.	Premis Makanan				
7.	Stesen Minyak				
8.	Lain-Lain Premis Perkhidmatan (nyatakan) a. b.				
	Jumlah Keseluruhan Premis (Bahagian A + B)				

- Mohon rujuk Perkara 7 dalam GP Sanitasi dan Disinfeksi Kemudahan Awam dan Premis di Kawasan PBT

LAPORAN BULANAN
AKTIVITI SANITASI DAN DISINFEKSI PREMIS YANG DIJALANKAN OLEH
SYARIKAT PERKHIDMATAN PEMBERSIHAN DAN SANITASI DI KAWASAN PBT

Nama Syarikat :
 No. Pendaftaran/Lesen PBT :
 Kawasan PBT :
 Bulan/Tahun :

Bil.	Ringkasan Premis yang Dijalankan Perkhidmatan Sanitasi Dan Disinfeksi	Jumlah	Catatan
1.	Kemudahan Awam dan Premis Milik PBT		
2.	Premis Bukan Milik PBT		

Bil.	Kategori Premis	Jenis Premis	Jumlah Premis	Aktiviti (Tanda √)		Catatan
				Sanitasi	Disinfeksi	
1.	Milik PBT	Premis PBT (nyatakan) a. b.				
2.		Pasar Awam				
3.		Pasar Malam/Pasar Harian/ Pasar Tani				
4.		Hentian Pengangkutan Awam				
5.		Medan Selera				
6.		Dewan Orang Ramai				
7.		Taman Rekreasi Awam				
8.		Tandas Awam				
9.		Fasiliti Sukan dan Rekreasi PBT				
10.		Lain-Lain Kemudahan Awam PBT (nyatakan) a. b.				
11.	Bukan Milik	Pejabat Kerajaan (nyatakan) a.				

Bil.	Kategori Premis	Jenis Premis	Jumlah Premis	Aktiviti (Tanda √)		Catatan
				Sanitasi	Disinfeksi	
	PBT	b.				
12.		Premis Perkhidmatan Asas (TNB, Telekom, Pos, Bekalan Air)				
13.		Bank/Kiosk ATM				
14.		Pasaraya/Kedai Serbaneka				
15.		Premis Makanan				
16.		Kedai Runcit				
17.		Stesen Minyak				
18.		Premis Syarikat Swasta				
19.		Lain-Lain Premis Perkhidmatan (nyatakan) a. b.				
20.		Premis Kediaman Persendirian				
	Jumlah Keseluruhan					

- Mohon rujuk Perkara 7 dalam GP Sanitasi dan Disinfeksi Kemudahan Awam dan Premis di Kawasan PBT

Nama Pegawai Pelapor : _____

Jawatan : _____

No.Telefon (H/P) : _____

Emel : _____

**SENARAI SEMAK
PEMANTAUAN PELAKSANAAN AKTIVITI SANITASI DAN DISINFEKSI
DI PREMIS MILIK PBT DAN BUKAN MILIK PBT**

Nama Premis :

No. Lesen/Pendaftaran Premis :
(jika ada)

Alamat Premis :

Kaedah Pelaksanaan : Secara sendiri/Syarikat yang dilantik*
(*Potong yang tidak berkenaan)

Pegawai Bertanggungjawab

i. Nama :

ii. No. Telefon :

BIL.	PERKARA	ADA	TIADA	CATATAN
1.	Sediakan <i>Hand Sanitizer</i> /Tempat Cuci Tangan			
2.	Maklumat Bahan Kimia digunakan (Label/Maklumat MSDS)			
3.	Maklumat Sukatan Bancuhan Bahan Kimia			Mematuhi/Tidak mematuhi
4.	Senarai PPE yang digunakan			
	Sarung tangan getah (pakai buang)			
	Penutup hidung dan mulut (3 <i>ply mask</i>)			
	Penutup hidung dan mulut (<i>chemical respirator</i>)			
	Apron plastik			
	Kasut but getah (<i>wellington boot</i>)			
	<i>Goggle</i>			
	<i>Face shield</i>			
	<i>Long-sleeved gowns</i>			
	Lain-lain (nyatakan)			
5.	Senarai Peralatan yang digunakan			
	Penyapu			
	Kain pengelap			
	Mop			
	Baldi			
	<i>Sprayer gun mist automizer</i> (berasaskan kabus)			
	<i>Fogger mist automizer</i> (berasaskan kabus)			
	<i>Mist blower</i> (berasaskan air)			
	<i>Spray can</i> (berasaskan air)			
	Lain-lain (nyatakan)			
6.	Penyelenggaraan/Pembersihan Peralatan			
7.	Pelaksanaan Aktiviti Sanitasi dan Disinfeksi			
	Ruang luar premis			
	Ruang dalam premis			
	Jadual kekerapan aktiviti			
BIL.	PERKARA	LAKSANA	MENGIKUT	LIPUTAN

		KEKERAPAN		SEMPURNA		
		Ya	Tidak	Ya	Tidak	
a. Peralatan dan permukaan sangat kerap disentuh dan berisiko tinggi						
	Kad menu					
	Meja makan					
	Pemegang kerusi (<i>arm rest</i>)					
	Kerusi bayi					
	Peralatan makan/minum					
	Skrin/panel pesanan makanan layan diri					
	Lain-lain (nyatakan)					
b. Peralatan dan permukaan kerap disentuh						
	Pemegang/tombol pintu					
	Pemegang troli/bakul					
	Nozzle pam minyak/pam angin					
	Skrin/kekunci kiosk layan diri					
	Butang ATM/butang lift/suis					
	Rel pemegang tangan					
	Mangkuk tandas					
	Pili air/bidet					
	Flushing cistern					
	Lain-lain (nyatakan)					
c. Struktur/permukaan yang bukan kerap disentuh						
	Lantai premis					
	Pintu premis					
	Tangga premis					
	Kaki lima premis					
	Lain-lain (nyatakan)					
BIL.	PERKARA	ADA	TIADA	CATATAN		
8.	Pamer Notis Pembasmian Kuman Premis (Mematuhi Garis Panduan)					
9.	Rekod Latihan (Semua operator/pekerja telah dilatih)					
10.	Rekod Laporan Aktiviti Sanitasi & Disinfeksi (Harian/Mingguan/Bulanan - nyatakan)					
KESIMPULAN		YA	TIDAK	CATATAN		
Kesempurnaan Pelaksanaan Aktiviti Sanitasi dan Disinfeksi						

Maklumat dan dokumen disediakan oleh : _____

Nama Pegawai : _____

Tarikh & Masa : _____

Tandatangan & Cop Rasmi : _____

Lampiran 4

**SENARAI SEMAK
MAKLUMAT PENDAFTARAN SYARIKAT YANG MENJALANKAN
KERJA-KERJA SANITASI DAN DISINFEKSI DI KAWASAN PBT**

NO.	PERKARA	BUTIRAN
1.	Maklumat/Profil Syarikat	
	Nama Syarikat:	
	No. Sijil Pendaftar Syarikat (SSM): * Sertakan salinan	
	No. Lesen/Pendaftaran (PBT)	
	Alamat Syarikat:	
	Nama Pemilik:	
	No. Kad Pengenalan:	
	No. Telefon:	
2.	Maklumat Operator Kompeten	
	Nama:	
	No. Kad Pengenalan:	
	Kelayakan Akademik/Pengalaman:	
	No. Telefon/HP:	
3.	Maklumat Bahan Kimia:	
	Nama Bahan Kimia Digunakan: *Sertakan salinan <i>MSDS</i>	
	Syarikat Pembekal/Pengimport:	






CONTOH NOTIS PEMBASMIAN KUMAN PREMIS

NOTIS PEMBASMIAN KUMAN PREMIS

PREMIS INI TELAH DIBASMI KUMAN
(THIS SHOP HAS BEEN DISINFECTED)

Sebarang Aduan, Sila Hubungi No. Tel. 07-xxxx-xxxx






CONTOH SENARAI PERALATAN BAGI AKTIVITI SANITASI DAN DISINFEKSI

BIL.	PERALATAN	CONTOH GAMBAR
1.	Penyapu	
2.	Kain pengelap	
3.	Mop	
4.	Baldi	
5.	<i>Sprayer gun mist automizer</i> (berasaskan kabus)	

BIL.	PERALATAN	CONTOH GAMBAR
6.	<i>Fogger mist automizer</i> (berasaskan kabus)	
7.	<i>Mist blower</i> (berasaskan air)	
8.	<i>Spray can</i> (berasaskan air)	

**CONTOH SENARAI PERALATAN PERLINDUNG DIRI (PPE) BAGI
AKTIVITI SANITASI DAN DISINFEKSI**

BIL.	PERALATAN	CONTOH GAMBAR
1.	Sarung tangan getah (pakai buang)	
2.	Penutup hidung dan mulut (3 ply mask)	

BIL.	PERALATAN	CONTOH GAMBAR
3.	Penutup hidung dan mulut (<i>chemical respirator</i>)	
4.	<i>Apron</i> plastik	
5.	Kasut but getah (<i>wellington boot</i>)	
6.	<i>Goggle</i>	
7.	<i>Face shield</i>	
8.	<i>Long-sleeved gowns</i>	